

21 DEC 1997

Samy-Daim

DAIM PILIHAN YANG BAIK, KATA SAMY VELLU

SUNGAI SIPUT, 21 Dis (Bernama) -- Presiden MIC, Datuk Seri S.Samy Vellu menyambut baik pelantikan Tun Daim sebagai pengarah eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (NEAC).

Katanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah membuat pilihan yang baik melantik Daim mengetuai majlis itu yang baru ditubuhkan untuk mengawasi ekonomi negara dan merancang strategi-strategi untuk memulihkannya.

"Daim mempunyai personaliti yang diterima oleh semua, berkeupayaan dan pengalaman dan berkebolehan menjalankan tugas baru yang diberi kepadanya ini," kata Samy Vellu kepada pemberita selepas mengagihkan hampers sempena sambutan hari Natal di sini.

Beliau juga menyampaikan hadiah termasuk wang tunai kepada 10 pelajar SRJK (T) di Perak yang mendapat 7A pada Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) baru-baru ini.

Samy Vellu berkata hubungan baik Daim dengan beberapa pemimpin Asean dan pemimpin penting dunia akan membolehkan beliau memenuhi tanggungjawabnya itu.

Beliau juga menasihati masyarakat India di negara ini mengamalkan jimat cermat dalam perbelanjaan mereka memandangkan keadaan ekonomi yang merosot di negara dan juga di rantau ini dan mereka perlu memberi keutamaan kepada pelajaran anak-anak.

Beliau yang bangga dengan pencapaian SRJK (T) dalam UPSR tahun ini yang menunjukkan kemajuan besar berbanding dengan tahun-tahun sebelum ini, khususnya di Perak, mengucapkan tahniah kepada guru-guru besar, guru-guru dan ibubapa kerana memberi komitmen penuh untuk kejayaan anak-anak mereka.

Samy Vellu juga berkata parti MIC telah mengambil semua langkah yang patut bagi memastikan kemudahan-kemudahan pendidikan ditingkatkan di SRJK (T) dan bagi tahun ini saja, parti itu telah membelanjakan RM8 juta untuk tujuan itu termasuk membina semula semua sekolah-sekolah lama.

Parti itu memerlukan sokongan kewangan dari orang ramai untuk meneruskan usahanya meningkatkan sekolah-sekolah ini selain bantuan dari kerajaan.

-- BERNAMA

HK WAT